

KERTAS KONSULTASI AWAM BIL. 4/2025 :

**CADANGAN PINDAAN KE ATAS PERATURAN-PERATURAN
PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2013 [P.U.A. 335/2013]**

**Tarikh Mula : 22 Ogos 2025
Tarikh Akhir : 8 September 2025**

BAHAGIAN 1 : PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG

[A] Pengenalan

Kertas konsultasi awam ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada pemegang taruh dan orang awam berhubung cadangan pindaan ke atas Peraturan-Peraturan Perlindungan Data Peribadi 2013 [P.U.A. 335/2013].

P.U.(A) 335/2013 merupakan perundangan subsidiari yang menjelaskan kewajipan Pengawal Data di bawah tujuh (7) Prinsip Perlindungan Data Peribadi. Ia turut mengandungi peruntukan mengenai notis penguatkuasaan dan pemeriksaan yang memberi kuasa kepada Pesuruhjaya untuk menguatkuasakan pematuhan terhadap peraturan ini.

Selaras dengan pindaan ke atas Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709], perundangan subsidiari P.U.(A) 335/2013 perlu dipinda bagi memastikan keselarasan dengan pindaan terkini dan menyokong pelaksanaan undang-undang yang diperbaharui.

[B] Latar Belakang Pindaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709]

Pindaan terhadap Akta 709 memperkenalkan beberapa peruntukan baharu bagi memastikan Akta ini sejajar dengan perkembangan teknologi digital serta perundangan perlindungan data peribadi

global. Di antara pindaan utama yang diperkenalkan adalah seperti berikut:

- a) menggantikan terma “pengguna data” kepada “pengawal data”;
- b) menghendaki pengawal data dan pemproses data melantik pegawai perlindungan data untuk memastikan pematuhan terhadap Akta 709;
- c) mewajibkan pengawal data untuk memberitahu mengenai insiden pelanggaran data kepada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi;
- d) membolehkan subjek data memohon supaya data peribadinya dipindahkan daripada satu pengawal data kepada pengawal data yang lain;
- e) memansuhkan keperluan pewartaan tempat yang dibenarkan untuk pemindahan mana-mana data peribadi ke luar Malaysia;
- f) meletakkan obligasi dan tanggungjawab kepada pemproses data untuk mematuhi Prinsip Keselamatan di bawah Prinsip Perlindungan Data Peribadi; dan
- g) menaikkan kadar hukuman bagi pelanggaran Prinsip Perlindungan Data Peribadi.

[C] Standard Perlindungan Data Peribadi

Subperaturan 6(2), peraturan 7 dan 8 dalam P.U.(A) 335/2013 memperuntukkan bahawa pengawal data yang memproses data peribadi hendaklah mematuhi standard keselamatan, standard penyimpanan dan standard integriti data yang ditetapkan.

Prinsip Keselamatan

6. (1) Pengguna data hendaklah membangunkan dan melaksanakan suatu polisi keselamatan bagi maksud seksyen 9 Akta.

(2) Pengguna data hendaklah memastikan polisi keselamatan yang disebut dalam subperenggan (1) mematuhi standard keselamatan yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Pesuruhjaya.

(3) Pengguna data hendaklah memastikan bahawa standard keselamatan dalam memproses data peribadi dipatuhi oleh mana-mana pemproses data yang menjalankan pemrosesan data peribadi bagi pihak pengguna data itu.

Prinsip Penyimpanan

7. Bagi maksud seksyen 10 Akta, data peribadi seorang subjek data hendaklah disimpan mengikut standard penyimpanan yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Pesuruhjaya.

Prinsip Integriti Data

8. Bagi maksud seksyen 11 Akta, pengguna data hendaklah memproses data peribadi mengikut standard integriti data yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Pesuruhjaya.

Bagi memastikan pematuhan terhadap prinsip ini, Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi telah mengeluarkan Standard Perlindungan Data Peribadi tahun 2015 (“Standard”) yang menetapkan keperluan minimum bagi pengendalian data peribadi dalam bentuk elektronik dan bukan elektronik.

Seiring dengan perkembangan pesat teknologi dan peningkatan ancaman terhadap keselamatan data, Standard perlu dipinda bagi memastikan tahap perlindungan yang lebih tinggi dan selaras dengan persekitaran digital semasa.

Pindaan Standard ini bertujuan untuk memperjelas tanggungjawab pengawal data dan pemproses data serta memperkenalkan langkah tambahan bagi memperkuuh keselamatan serta integriti data peribadi. Cadangan pindaan kepada Standard adalah seperti berikut:

- a) memperkenalkan langkah keselamatan yang lebih ketat seperti kawalan akses yang lebih terperinci, perlindungan sistem daripada ancaman luar, serta penyediaan pelan tindak balas insiden pelanggaran data termasuk keselamatan pemindahan data peribadi.

- b) memperkuuh pengurusan penyimpanan data melalui pewujudan polisi penyimpanan data dan jadual pelupusan serta penggunaan kaedah pelupusan data yang selamat.
- c) penambahbaikan bagi memastikan integriti data termasuk prosedur pembetulan data yang tidak tepat dan pemantauan berkala.

Bagi tujuan pembangunan Standard Perlindungan Data Peribadi 2025, JPDP telah mengeluarkan Kertas Konsultasi Awam berhubung cadangan pindaan ini. **Pindaan ini akan dibaca bersama dengan pindaan kepada P.U. (A) 335/2013.**

BAHAGIAN 2 : CADANGAN PINDAAN KEPADA PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2013 [P.U.(A) 335/2013]

Draf pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk memastikan peraturan ini selaras dengan pindaan terkini terhadap Akta 709 serta memenuhi keperluan semasa dalam perlindungan data peribadi. Cadangan pindaan P.U.(A) 335/2013 disertakan di **Lampiran 1**.

BAHAGIAN 3 : SOALAN KONSULTASI

JPDP mengalu-alukan maklum balas terhadap cadangan pindaan ini. Sila pertimbangkan soalan-soalan berikut semasa mengemukakan maklum balas anda:

1. Adakah cadangan pindaan yang digariskan memadai untuk mencapai objektif memperkuuh perlindungan data peribadi di Malaysia?
2. Adakah terdapat peruntukan sedia ada dalam P.U.(A) 335/2013 yang perlu dipinda atau ditambah baik tetapi tidak dinyatakan di atas? Sila berikan justifikasi.
3. Apakah cabaran atau implikasi yang berpotensi timbul daripada cadangan pindaan ini kepada organisasi (pengawal data / pemproses data) atau subjek data?
4. Adakah anda mempunyai cadangan khusus mengenai peruntukan draf yang berkaitan dengan cadangan pindaan ini?
5. Adakah terdapat sebarang isu lain berkaitan perlindungan data peribadi di bawah P.U.(A) 335/2013 yang perlu ditangani melalui pindaan?

Semua maklum balas yang diterima akan dianalisis dan dipertimbangkan dalam proses penggubalan pindaan P.U.(A) 335/2013. Kerjasama anda amat dihargai bagi memastikan kerangka perlindungan data peribadi di Malaysia kekal relevan dan berkesan.

CADANGAN PINDAAN KE ATAS PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2013
[P.U.(A) 335/2013]

BIL	PERKARA	PENGENALAN	CADANGAN PINDAAN P.U.(A) 335/2013	JUSTIFIKASI PINDAAN
BAHAGIAN I PERMULAAN				
1	Tafsiran	<p>Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] telah digubal untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam urus niaga komersial. Peraturan-Peraturan Perlindungan Data Peribadi 2013 [P.U.(A) 335/2013] berfungsi sebagai undang-undang subsidiari yang memperincikan pelaksanaan Akta tersebut.</p> <p>Bagi memastikan kerangka perundangan ini kekal relevan, jelas dan berkesan, adalah perlu untuk memperkenalkan takrif baharu serta meminda takrif</p>	<p>Pindaan yang dicadangkan memberi tumpuan kepada penambahan takrifan baharu dan pindaan takrifan sedia ada.</p> <p>i. Pindaan Takrifan Sedia Ada</p> <p>Cadangan pindaan :</p> <p>a. “pegawai pemeriksa” ertiannya seorang pegawai Timbalan Pesuruhjaya dan Penolong Pesuruhjaya yang dilantik oleh</p>	<p>Pindaan kepada takrif “pegawai pemeriksa” memperluaskan skopnya untuk merangkumi pegawai yang dilantik di bawah seksyen 50 (iaitu, Timbalan Pesuruhjaya dan Penolong Pesuruhjaya) serta pegawai</p>

LAMPIRAN 1

BIL	PERKARA	PENGENALAN	CADANGAN PINDAAN P.U.(A) 335/2013	JUSTIFIKASI PINDAAN
		sedia ada. Pindaan ini bertujuan untuk memberikan kejelasan yang lebih baik, meningkatkan konsistensi, serta menyokong penguatkuasaan Akta 709 dengan lebih berkesan.	<p>Pesuruhjaya di bawah seksyen 50 Akta atau mana-mana pegawai dan pekhidmat yang diambil kerja oleh Pesuruhjaya di bawah seksyen 51 Akta bagi maksud menjalankan suatu pemeriksaan di bawah seksyen 101 Akta.</p>	yang diambil bekerja di bawah seksyen 51 Akta 709. Langkah ini bertujuan untuk memberikan lebih fleksibiliti dalam pelantikan serta memperkuuh penguatkuasaan.
			b. “ standard ” ertinya suatu kehendak minimum ketetapan yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya, yang memperuntukkan, bagi kegunaan biasa dan berulang,	Pindaan ini bertujuan untuk memperkuuh takrifan “standard” dengan menggantikan frasa “keperluan minimum” kepada istilah “ditentukan”. Tujuan pindaan ini adalah untuk menekankan bahawa standard yang dikeluarkan

LAMPIRAN 1

BIL	PERKARA	PENGENALAN	CADANGAN PINDAAN P.U.(A) 335/2013	JUSTIFIKASI PINDAAN
			<p>kaedah-kaedah, garis panduan atau ciri-ciri bagi aktiviti atau keputusan aktiviti itu, yang matlamatnya adalah pencapaian peringkat susunan yang optimum dalam sesuatu konteks yang diberikan.</p>	<p>oleh Pesuruhjaya merupakan peraturan yang mengikat bagi memastikan pematuhan yang berkesan, dan bukan sekadar memenuhi keperluan minimum.</p> <p>Pindaan ini juga menyokong peralihan kepada pendekatan yang lebih berasaskan hasil (<i>outcome-based approach</i>), sekali gus memberi lebih fleksibiliti kepada organisasi dalam mencapai objektif perlindungan data. Di bawah takrifan yang dipinda, standard akan menetapkan kedua-dua langkah minimum serta hasil yang dijangka, khususnya berkaitan dengan pemprosesan data peribadi pada skala signifikan.</p>

LAMPIRAN 1

BIL	PERKARA	PENGENALAN	CADANGAN PINDAAN P.U.(A) 335/2013	JUSTIFIKASI PINDAAN
			<p>ii. Penambahan Tafsiran Baharu</p> <p>a. “maklumat hubungan perniagaan” ertinya nama individu, nama jawatan atau gelaran, nombor telefon perniagaan, alamat perniagaan, alamat e-mel perniagaan atau nombor faks perniagaan dan sebarang maklumat lain yang seumpama tentang individu tersebut, tidak diberikan oleh individu itu semata-mata untuk tujuan peribadinya.</p>	<p>Pindaan ini memperkenalkan takrifan “maklumat perhubungan perniagaan” bagi membezakan data yang digunakan dalam konteks perniagaan daripada data peribadi yang dilindungi di bawah Akta 709. Langkah ini bertujuan mengelakkan sebarang kekeliruan dalam pelaksanaan undang-undang serta mempertingkatkan tahap pematuhan oleh pengawal data.</p>

BIL	PERKARA	PENGENALAN	CADANGAN PINDAAN P.U.(A) 335/2013	JUSTIFIKASI PINDAAN
			b. "notis perlindungan data peribadi" ertinya notis bertulis yang dikehendaki diberikan oleh Pengawal Data kepada Subjek Data bagi mematuhi seksyen 7 Akta 709.	Pindaan ini memperkenalkan takrifan "notis perlindungan data peribadi" bagi memperjelas maksud notis bertulis yang wajib diberikan oleh pengawal data kepada subjek data selaras dengan kehendak Seksyen 7 Akta 709.

BAHAGIAN II PRINSIP PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

PRINSIP AM

2	Persetujuan subjek data	Salah satu prinsip utama yang dibawah Akta 709 ialah Prinsip Am, yang menghendaki pengawal data untuk memproses data peribadi hanya jika persetujuan daripada subjek data telah diperoleh.	<p>Pindaan yang dicadangkan berhubung Prinsip Am memberi tumpuan kepada beberapa aspek penting termasuk:</p> <p>a. Terminologi: Menyelaraskan istilah yang digunakan dalam Peraturan dengan pindaan ke atas Akta 709,</p>	<p>Objektif utama pindaan berkaitan "persetujuan subjek data" di bawah Prinsip Am adalah untuk:</p> <p>a. Memperkuat perlindungan: Meningkatkan tahap perlindungan data peribadi dengan</p>
---	--------------------------------	--	---	--

LAMPIRAN 1

BIL	PERKARA	PENGENALAN	CADANGAN PINDAAN P.U.(A) 335/2013	JUSTIFIKASI PINDAAN
			<p>khususnya perubahan daripada “pengguna data” kepada “pengawal data.”</p> <p>b. Persetujuan Subjek Data: Menyediakan panduan yang lebih jelas mengenai cara mendapatkan persetujuan yang sah daripada subjek data. Pindaan ini menekankan bahawa persetujuan mesti diperoleh sebelum data peribadi diproses.</p> <p>a. Pengiktirafan Pengecualian Undang-Undang: Memperkenalkan peruntukan yang mengiktiraf bahawa data peribadi boleh diproses tanpa persetujuan dalam keadaan tertentu, selaras</p>	<p>menetapkan prosedur yang lebih ketat, khususnya berkaitan masa persetujuan mesti diperoleh dan kewajipan memberi notis kepada subjek data.</p> <p>b. Meningkatkan kejelasan: Memberi panduan yang jelas mengenai proses mendapatkan persetujuan dan mengeluarkan notis bagi mengelakkan kekaburan serta memudahkan pematuhan oleh pengawal data.</p>

LAMPIRAN 1

BIL	PERKARA	PENGENALAN	CADANGAN PINDAAN P.U.(A) 335/2013	JUSTIFIKASI PINDAAN
			<p>dengan pengecualian yang dibenarkan di bawah Akta.</p> <p>b. Kewajipan Notis dan Pilihan: Menghendaki pengawal data memaklumkan subjek data mengenai pengumpulan dan pemprosesan data peribadi melalui notis perlindungan data peribadi, sejajar dengan Prinsip Notis dan Pilihan.</p> <p>c. Penentusahan Persetujuan: Menetapkan keperluan bagi pengawal data untuk mengambil langkah pengesahan yang munasabah apabila memperoleh persetujuan daripada ibu bapa, penjaga, atau individu yang</p>	<p>c. Mengikuti piawaian antarabangsa: Memastikan pendekatan Malaysia terhadap persetujuan dan notis subjek data adalah selaras dengan amalan terbaik antarabangsa.</p>

BIL	PERKARA	PENGENALAN	CADANGAN PINDAAN P.U.(A) 335/2013	JUSTIFIKASI PINDAAN
			mempunyai tanggungjawab terhadap subjek data.	
PRINSIP NOTIS DAN PILIHAN				
3	Perincian tentang pengawal data	Prinsip Notis dan Pilihan mewajibkan pengawal data memberikan suatu notis bertulis dalam kedua-dua bahasa Melayu dan Inggeris kepada subjek data, yang memaklumkan tujuan data peribadi dikumpulkan serta memberikan pilihan kepada subjek data sama ada untuk memberikan persetujuan atau menolak pemberian data peribadi tersebut.	Cadangan pindaan kepada Prinsip Notis dan Pilihan mewajibkan pengawal data untuk memaparkan maklumat perhubungan perniagaan bagi Pegawai Perlindungan Data (DPO) yang dilantik atau individu yang bertanggungjawab dalam mengendalikan hal-hal berkaitan data peribadi.	Pindaan ini bertujuan untuk mewajibkan pengawal data memaparkan maklumat perhubungan perniagaan bagi Pegawai Perlindungan Data (DPO) yang dilantik atau mana-mana individu lain yang bertanggungjawab dalam mengendalikan hal-hal berkaitan pemrosesan data peribadi dan hak subjek data melalui notis perlindungan data peribadi atau saluran lain yang membolehkan subjek data menghubungi pengawal data.

LAMPIRAN 1

BIL	PERKARA	PENGENALAN	CADANGAN PINDAAN P.U.(A) 335/2013	JUSTIFIKASI PINDAAN
				Langkah ini akan memudahkan subjek data menghubungi pihak yang berkaitan untuk mendapatkan penjelasan, membuat aduan atau melaksanakan hak mereka, sekali gus meningkatkan ketelusan dan kebolehcapaian bagi subjek data.
PRINSIP PENZAHIRAN				
4	Senarai penzahiran	Di bawah Prinsip Penzahiran (seksyen 8) Akta 709, pengawal data tidak boleh tanpa persetujuan subjek data mendedahkan data peribadi mereka kepada pihak lain tanpa persetujuan. Pendedahan hanya boleh berlaku dalam keadaan yang dibenarkan oleh undang-	Peruntukan sedia ada dipinda untuk menggantikan terma "Pengguna Data" dengan "Pengawal Data".	Pindaan ini bertujuan untuk menggantikan terma "Pengguna Data" dengan "Pengawal Data" selaras dengan pindaan terkini Akta 709.

BIL	PERKARA	PENGENALAN	CADANGAN PINDAAN P.U.(A) 335/2013	JUSTIFIKASI PINDAAN
		undang atau apabila ia adalah untuk tujuan asal data tersebut dikumpul.		
PRINSIP KESELAMATAN				
5	Polisi keselamatan	Prinsip Keselamatan mewajibkan pengawal data, apabila memproses data peribadi, mengambil langkah-langkah praktikal untuk melindungi data tersebut daripada sebarang ancaman. Ancaman ini termasuk kehilangan, penyalahgunaan, pengubahan, capaian atau pendedahan tanpa kebenaran, pengubahsuaian atau pemusnahan.	<p>Pindaan yang dicadangkan berhubung polisi keselamatan di bawah Prinsip Keselamatan memberi tumpuan kepada beberapa aspek penting termasuk:</p> <p>a. Terminologi: Menyelaraskan terma yang digunakan dalam Peraturan dengan pindaan kepada Akta 709, khususnya perubahan terminologi daripada “pengguna data” kepada “pengawal data”;</p>	Pindaan ini bertujuan untuk memperkenalkan keperluan pengurusan pelanggaran data di dalam polisi keselamatan bagi memastikan tindakan segera dan berkesan dapat diambil sekiranya berlaku insiden pelanggaran data.

LAMPIRAN 1

BIL	PERKARA	PENGENALAN	CADANGAN PINDAAN P.U.(A) 335/2013	JUSTIFIKASI PINDAAN
			<p>b. Perluasan Kewajipan: Kewajipan untuk membangunkan dan melaksanakan polisi keselamatan kini diperluaskan kepada pemproses data, bukan sahaja pengawal data.</p> <p>c. Pengurusan Pelanggaran Data: Pindaan ini dengan jelas mewajibkan polisi keselamatan untuk merangkumi prosedur pengurusan pelanggaran data, menjadikannya komponen mandatori dalam polisi tersebut.</p>	
6	Kewajipan kontrak	Selain daripada tanggungjawab langsung pengawal data untuk melindungi data peribadi, Prinsip Keselamatan akan diperluaskan	Pindaan yang dicadangkan kepada Prinsip Keselamatan memberi tumpuan kepada	Peruntukan ini bertujuan untuk memastikan bahawa satu kontrak yang jelas diwujudkan antara pengawal

LAMPIRAN 1

BIL	PERKARA	PENGENALAN	CADANGAN PINDAAN P.U.(A) 335/2013	JUSTIFIKASI PINDAAN
		<p>kepada pemproses data melalui kewajipan kontrak.</p> <p>Ia mewajibkan pengawal data untuk memeterai perjanjian bertulis dengan pemproses data yang secara jelas menetapkan langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil oleh pemproses data. Dengan cara ini, pengawal data perlu memastikan pemproses data mematuhi standard keselamatan yang sama seperti yang dikehendaki oleh Akta.</p>	<p>beberapa aspek utama, termasuk:</p> <p>a. Kewajipan Kontrak: Mengkehendaki pengawal data untuk membuat kontrak bertulis dengan pemproses data apabila pemprosesan data peribadi dijalankan oleh pihak ketiga.</p> <p>b. Terma Kontrak yang Jelas: Kontrak tersebut mesti mengandungi butiran penting seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. perkara, tempoh, sifat, dan tujuan pemprosesan data; ii. jenis data peribadi yang diproses; 	<p>data dan pemproses data, yang merangkumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. tujuan pemprosesan; ii. kategori data; iii. langkah-langkah keselamatan; dan iv. hak dan kewajipan kedua-dua pihak. <p>Ia bertujuan untuk memastikan pematuhan terhadap Akta 709 dan meningkatkan akauntabiliti dalam pengurusan data peribadi.</p>

LAMPIRAN 1

BIL	PERKARA	PENGENALAN	CADANGAN PINDAAN P.U.(A) 335/2013	JUSTIFIKASI PINDAAN
			<ul style="list-style-type: none"> iii. langkah keselamatan yang akan dilaksanakan; dan iv. kewajipan pemproses data serta hak pengawal data. 	
PRINSIP PENYIMPANAN				
7	Standard penyimpanan	Di bawah Prinsip Penyimpanan (Seksyen 10 Akta 709), pengawal data tidak boleh menyimpan data peribadi lebih lama daripada yang diperlukan dan hendaklah memastikan bahawa data peribadi tersebut dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal apabila ia tidak lagi diperlukan untuk tujuan pemprosesan.	Pindaan yang dicadangkan berhubung dengan Prinsip Penyimpanan melibatkan penggantian istilah “Pengguna Data” kepada “Pengawal Data.” Selain daripada pindaan terminologi ini, pematuhan terhadap Prinsip Penyimpanan akan ditetapkan melalui pelaksanaan Standard Perlindungan Data Peribadi yang telah disemak semula.	Tiada perubahan dibuat terhadap peruntukan sedia ada. Pemakaian Prinsip Penyimpanan sebaliknya akan ditetapkan melalui pindaan kepada Standard Perlindungan Data Peribadi yang akan dikeluarkan oleh Pesuruhjaya.

LAMPIRAN 1

BIL	PERKARA	PENGENALAN	CADANGAN PINDAAN P.U.(A) 335/2013	JUSTIFIKASI PINDAAN
		P.U.(A) 335/2013 memperincikan pelaksanaan Prinsip ini dengan menetapkan bahawa pemrosesan data hendaklah mematuhi standard penyimpanan yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Pesuruhjaya.	Standard baharu ini akan mengukuhkan pengurusan penyimpanan data dengan menetapkan keperluan bagi dasar penyimpanan, jadual pelupusan data, serta penggunaan kaedah pemusnahan yang selamat. Langkah-langkah ini akan membantu pengawal data dalam memenuhi obligasi mereka dengan lebih berkesan.	
PRINSIP INTEGRITI DATA				
8	Standard integriti data	Di bawah Prinsip Integriti Data (Seksyen 11 Akta 709), pengawal data dikehendaki memastikan bahawa data peribadi yang diproses adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan, dan dikemas kini. P.U.(A) 335/2013	Pindaan yang dicadangkan berhubung dengan Prinsip Integriti Data memperuntukkan penggantian terma "Pengguna Data" kepada "Pengawal Data". Selain daripada pindaan terminologi ini, pematuhan terhadap Prinsip Integriti Data	Tiada perubahan dibuat ke atas peruntukan sedia ada. Sebaliknya, pematuhan terhadap Prinsip Integriti Data akan ditetapkan melalui pindaan ke atas Standard Perlindungan Data Peribadi

LAMPIRAN 1

BIL	PERKARA	PENGENALAN	CADANGAN PINDAAN P.U.(A) 335/2013	JUSTIFIKASI PINDAAN
		<p>memperincikan pelaksanaan Prinsip ini dengan menetapkan bahawa pemprosesan data hendaklah mematuhi standard integriti data yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya dari semasa ke semasa.</p>	<p>akan dipastikan melalui pelaksanaan Standard Perlindungan Data Peribadi yang telah disemak semula.</p> <p>Standard yang disemak semula ini akan memperkuuh pengurusan integriti data dengan menetapkan keperluan bagi prosedur pembetulan data yang tidak tepat serta pelaksanaan pemantauan secara berkala. Langkah-langkah ini bertujuan untuk membantu pengawal data dalam memenuhi kewajipan mereka dengan lebih berkesan.</p>	<p>yang akan dikeluarkan oleh Pesuruhjaya.</p>
PRINSIP AKSES				
9	Prinsip Akses	Di bawah Prinsip Akses, setiap subjek data berhak untuk mengakses dan membetulkan data peribadi mereka yang	Pindaan ini bertujuan untuk menggantikan istilah "Pengguna Data" dengan "Pengawal Data" selaras dengan pindaan terkini	Pindaan ini bertujuan untuk menggantikan terma "Pengguna Data" dengan "Pengawal Data" selaras

LAMPIRAN 1

BIL	PERKARA	PENGENALAN	CADANGAN PINDAAN P.U.(A) 335/2013	JUSTIFIKASI PINDAAN
		dipegang oleh pengawal data. P.U.(A) 335/2013 memperuntukkan prosedur bagi melaksanakan hak ini, termasuk proses untuk mengemukakan permohonan, alasan bagi penolakan permohonan untuk mengakses data, serta prosedur bagi penerimaan permohonan pembetulan data.	kepada Akta 709 bagi memastikan keseragaman istilah dalam keseluruhan perundangan.	dengan pindaan terkini Akta 709.
PENALTI				
10	Penalti	Penalti merupakan elemen penting dalam rangka kerja perundangan bagi memastikan pematuhan terhadap peruntukan undang-undang. P.U.(A) 335/2013 telah digubal di bawah kuasa Seksyen 143 Akta 709 yang memperuntukkan kuasa untuk membuat peraturan yang menetapkan apa-apa	Cadangan pindaan berhubung penalti memberi tumpuan kepada beberapa aspek utama, termasuk: a. Penyelarasan istilah dan rujukan: Pindaan ini menyelaraskan istilah daripada “pengguna data” kepada “pengawal data”	Pindaan daripada “subperaturan 3(1)” kepada “subperaturan 3” bertujuan untuk meluaskan skop penguatkuasaan dengan merangkumi keseluruhan kandungan subperaturan 3 yang berkaitan dengan pelanggaran Prinsip Am. Langkah ini memastikan

LAMPIRAN 1

BIL	PERKARA	PENGENALAN	CADANGAN PINDAAN P.U.(A) 335/2013	JUSTIFIKASI PINDAAN
		<p>perbuatan atau peninggalan yang melanggar peraturan sebagai suatu kesalahan. Seksyen ini juga membenarkan pengenaan penalti dalam bentuk denda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit, pemerjaraan untuk tempoh tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya sekali. Sehubungan itu, pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk memperkemas peruntukan penalti sedia ada serta memperluaskan liabiliti kepada pemproses data.</p>	<p>serta menyemak semula rujukan perundangan daripada “subperaturan 3(1)” kepada “peraturan 3” bagi merangkumi keseluruhan peruntukan berkaitan pelanggaran Prinsip Am.</p> <p>b. Meluaskan liabiliti dan akauntabiliti: Pindaan ini memperkenalkan peruntukan baharu yang meletakkan liabiliti secara langsung ke atas pemproses data. Pemproses data boleh dikenakan penalti yang sama sekiranya mereka melanggar Prinsip Keselamatan.</p>	<p>semua kewajipan dan larangan di bawah prinsip tersebut tertakluk kepada tindakan penguatkuasaan sekiranya dilanggar, sekaligus mengukuhkan keberkesanan penguatkuasaan dan tahap pematuhan terhadap Akta 709.</p>

LAMPIRAN 1

BIL	PERKARA	PENGENALAN	CADANGAN PINDAAN P.U.(A) 335/2013	JUSTIFIKASI PINDAAN
			c. Mengelakkan kadar penalti: Kadar penalti sedia ada, iaitu denda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit, pemenjaraan untuk tempoh tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya sekali, dikekalkan bagi pengawal data dan pemproses data.	
			(2) Mana-mana Pemproses Data yang melanggar peraturan 6 melakukan kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.	Peruntukan ini adalah selaras dengan pindaan kepada Akta 709 yang mengenakan kewajipan ke atas pemproses data di bawah Prinsip Keselamatan bagi memastikan pematuhan dan penguatkuasaan yang berkesan.

BIL	PERKARA	PENGENALAN	CADANGAN PINDAAN P.U.(A) 335/2013	JUSTIFIKASI PINDAAN
BAHAGIAN III PEMERIKSAAN				
11	Pemeriksaan sistem data peribadi	<p>Pemeriksaan Sistem Perlindungan Data Peribadi merupakan salah satu mekanisme penguatkuasaan utama di bawah Akta 709.</p> <p>Menurut seksyen 101 Akta 709, Pesuruhjaya atau pegawai pemeriksa diberi kuasa untuk menjalankan pemeriksaan bagi memastikan pematuhan terhadap peruntukan Akta tersebut.</p> <p>Penemuan yang diperoleh daripada pemeriksaan adalah penting bagi Pesuruhjaya dalam usaha menggalakkan pematuhan terhadap Akta, khususnya berhubung dengan Prinsip-Prinsip Perlindungan Data Peribadi.</p>	<p>Cadangan pindaan berhubung Pemeriksaan Sistem Perlindungan Data Peribadi memberi tumpuan kepada beberapa aspek utama, iaitu:</p> <p>a. Terminologi: Menyelaraskan terma yang digunakan dalam Peraturan dengan pindaan kepada Akta 709, khususnya perubahan terminologi daripada “pengguna data” kepada “pengawal data” bagi memastikan konsistensi dengan pindaan kepada Akta 709.</p> <p>b. Kewajipan pemeriksaan pemproses data : Memperjelas dan memperkuuh kewajipan pemeriksaan berhubung dengan pemproses data,</p>	<p>Tujuan utama pindaan ini adalah untuk memperkemas dan memperkuuh kuasa pemeriksaan di bawah Akta 709, sekali gus menjadikannya lebih jelas dan berkesan dalam persekitaran digital semasa. Pindaan ini juga menyelaraskan terminologi daripada “pengguna data” kepada “pengawal data” bagi memastikan konsistensi dengan pindaan kepada Akta 709.</p> <p>Selain itu, pindaan ini memperluas dan memperjelas skop maklumat yang boleh diminta semasa pemeriksaan dijalankan, sekali gus memberikan kuasa</p>

LAMPIRAN 1

BIL	PERKARA	PENGENALAN	CADANGAN PINDAAN P.U.(A) 335/2013	JUSTIFIKASI PINDAAN
		<p>Sehubungan itu, P.U.(A) 335/2013 memperincikan keperluan berkaitan notis pemeriksaan yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya serta jenis dokumen, rekod dan maklumat yang boleh diminta semasa pemeriksaan dijalankan.</p> <p>Cadangan pindaan ke atas peruntukan pemeriksaan ini bertujuan untuk memperkemas dan memperkuuh kuasa pemeriksaan, sekali gus menjadikannya lebih jelas dan berkesan dalam persekitaran digital semasa.</p>	<p>terutamanya berkaitan dasar keselamatan yang diwajibkan untuk dibangunkan oleh mereka, selaras dengan pindaan kepada Akta 709 yang mengenakan kewajipan ke atas pemproses data di bawah Prinsip Keselamatan; dan</p> <p>c. Skop kuasa pemeriksaan: Meluaskan dan memperjelas skop maklumat yang boleh diminta semasa pemeriksaan dengan memasukkan secara jelas “dokumen, rekod atau maklumat lain yang berkaitan dengan pemprosesan data peribadi”, sekali gus</p>	<p>yang lebih kukuh kepada Pesuruhjaya dan pegawai pemeriksa untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi membuat syor kepada pengawal data yang diperiksa.</p> <p>Tambahan pula, pindaan ini memperkuuh kewajipan pemeriksaan yang dikenakan ke atas pemproses data, khususnya berhubung dengan dasar keselamatan yang diwajibkan untuk dibangunkan dan dilaksanakan oleh mereka.</p>

LAMPIRAN 1

BIL	PERKARA	PENGENALAN	CADANGAN PINDAAN P.U.(A) 335/2013	JUSTIFIKASI PINDAAN
			<p>memberikan kuasa yang lebih kukuh kepada Pesuruhjaya dan pegawai pemeriksa untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi membuat syor kepada pengawal data yang diperiksa.</p>	
BAHAGIAN IV NOTIS PENGUATKUASAAN				
12	Notis Penguatkuasaan	Notis penguatkuasaan merupakan satu instrumen penting yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya di bawah seksyen 108 Akta 709 bagi memastikan pematuhan terhadap peruntukan Akta tersebut. Notis ini bertujuan untuk menyatakan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pengawal data bagi	Peruntukan sedia ada dikekalkan.	

LAMPIRAN 1

BIL	PERKARA	PENGENALAN	CADANGAN PINDAAN P.U.(A) 335/2013	JUSTIFIKASI PINDAAN
		<p>meremedi sebarang pelanggaran.</p> <p>Pengawal data dikehendaki melaksanakan langkah-langkah yang ditetapkan dalam tempoh masa sebagaimana dinyatakan dalam notis tersebut. Mekanisme ini adalah penting untuk memastikan pelanggaran data dapat ditangani dengan berkesan dan segera, sekali gus mengukuhkan perlindungan data peribadi subjek data.</p>		